

Cagamas berjaya terbit sukuk RM715 juta

PETALING JAYA: Perbadanan Gadai Janji Nasional Malaysia, Cagamas Berhad berjaya menerbitkan gabungan terbitan bernilai RM715 juta.

Ia terdiri daripada Nota Kadar Berubah (VRN) satu tahun, Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) tiga tahun dan IMTN lima tahun.

Hasil daripada terbitan akan digunakan untuk membiayai pembiayaan rumah daripada sistem kewangan domestik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata, IMTN tiga tahun dan lima tahun berjaya dimuktamadkan melalui latihan penawaran awal yang membolehkan syarikat mencapai nisbah book-to-cover akhir masing-masing sebanyak 2.0 kali dan 5.0 kali.

“Ia dengan penyertaan kumpulan pelabur yang pelbagai termasuk korporat, penanggung insurans, institusi kewangan dan dana berdaulat,” katanya dalam kenyataan.